

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

SOALAN : NO. 305

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana budaya *'life long learning'* dipupuk di kalangan orang awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa berusaha untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dalam kalangan orang awam. Menerusi Lonjakan 3: Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memulakan inisiatif pelaksanaan Pengakreditasi Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning - APEL*). Melalui APEL, orang awam boleh melanjutkan pendidikan formal ke peringkat yang lebih tinggi dengan menggunakan pengalaman terdahulu. Inisiatif APEL telah membantu lebih 3,904 rakyat Malaysia pada tahun 2017.

KPT melalui Kolej Komuniti juga telah menawarkan kursus-kursus PSH seperti kelas jahitan, masakan, membaiki telefon bimbit dan lain-lain kursus dengan syarat yang minimum iaitu membaca, mengira dan menulis dengan kadar yuran penyertaan yang rendah kepada masyarakat. Sejak tahun 2002, bilangan peserta kursus PSH di kolej

komuniti telah mencecah 2,402,403 penyertaan merangkumi warga emas, ibu tunggal, miskin tegar, orang kurang upaya, orang asli dan belia.

Pelaksanaan PSH diteruskan atas talian dengan *Massive Open Online Courses* (MOOCs) di bawah KPT. Penyertaan MOOCs tidak terhad dan akses terbuka kepada semua secara atas talian. Kursus yang ditawarkan disasarkan kepada pelajar universiti serta masyarakat ramai, tempatan dan antarabangsa. Sehingga kini, terdapat 450 kursus MOOC dengan total enrolmen sebanyak 600,000 pelajar termasuk 200,000 pelajar antarabangsa daripada 170 buah negara.

KPT juga telah mewujudkan Portal PSH sejak tahun 2014 sebagai medium penyebaran maklumat PSH kepada masyarakat. Portal PSH ini mengandungi maklumat kursus-kursus PSH yang ditawarkan oleh KPT dan 13 kementerian lain dan ia memudahkan carian maklumat oleh masyarakat.

Selain penyebaran maklumat secara atas talian, KPT turut mengadakan siri jelajah PSH di seluruh negara melalui kerjasama NBOS dengan Karnival Pendidikan Tinggi Negara dalam usaha menarik minat masyarakat mengenai 'peluang kedua' yang ditawarkan oleh KPT kepada masyarakat melalui PSH.